

Indonesia bidas Tun M mahu tuntutan Kepulauan Riau

BH- 24/6/2022 m/c: 2

'Kenyataan bekas Perdana Menteri tiada asas undang-undang'

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
+ mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Luar Indonesia menyifatkan kenyataan Tun Dr Mahathir Mohamed bahawa Kepulauan Riau sepatutnya menjadi sebahagian Malaysia, sebagai tidak mempunyai asas undang-undang.

Jurucakap kementerian itu, Teuku Faizasyah berkata, bekas Perdana Menteri Malaysia itu juga tidak memiliki alasan jelas di sebalik kenyataan berkenaan kerana Kepulauan Riau diiktiraf sebahagian daripada wilayah Indonesia di peringkat antarabangsa.

"Wilayah Indonesia ditentukan berdasarkan prinsip dan ketetapan undang-undang antarabangsa. Indonesia tidak melihat atas dasar undang-undang apa dan alasan apa kenyataan Dr Mahathir ini dibuat.

"Ketika dunia berdepan banyak cabaran, seorang ahli politik senior tidak sepatutnya membuat kenyataan tidak berasas yang boleh menjejaskan persahabatan," katanya seperti dilaporkan portal berita Indonesia, *Kompas*.

Dr Mahathir ketika berucap dalam satu kongres pada Ahad lalu dilaporkan berkata, bukan hanya Pedra Branca atau Batu Puteh harus dikembalikan kepada negara, sebaliknya mencadangkan supaya Malaysia menuntut semula Riau dan Singapura.

Tegasnya, ia kerana Riau dan Singapura adalah 'Tanah Melayu' berdasarkan sejarah.

Mengulas lanjut, Teuku Faizasyah berkata, Kepulauan Riau akan terus menjadi sebahagian

daripada Indonesia buat selama-lamanya.

Pada 23 Mei 2008, Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) memutuskan Singapura mempunyai hak terhadap Batu Puteh, manakala Batuan Tengah yang terletak tidak sampai satu kilometer dari pulau itu adalah milik Malaysia.

Turut diputuskan adalah hak milik Tubir Selatan yang terletak kira-kira empat kilometer dari Batu Puteh akan ditentukan mengikut persempadanan perairan negara yang menguasainya.

Malaysia memfailkan permohonan semakan pada 2 Februari 2017 dan 30 Jun tahun sama supaya mahkamah mentafsirkan penghakimannya berhubung kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan yang diputuskan pada 23 Mei 2008.

Permohonan semakan itu difailkan berdasarkan penemuan baharu Malaysia melalui tiga dokumen penting menunjukkan pegawai tertinggi Singapura tidak pernah menganggap ia memperolehi kedaulatan terhadap Batu Puteh di bawah Johor.

Dua daripada dokumen itu yang hanya boleh diakses oleh awam selepas ICJ memberikan penghakimannya, juga menunjukkan pegawai Tentera Laut British mengakui perairan di pulau itu milik Johor.

Bagaimanapun, Malaysia terlepas peluang untuk mendapatkan

semula Batu Puteh selepas Dr Mahathir ketika menjadi Perdana Menteri buat kali kedua, membuat keputusan menarik balik semakan dan pentafsiran penghakiman, berhubung kes kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan beberapa hari sebelum ia dibicarakan di ICJ pada 11 Jun 2018.

Dalam pada itu, Mahathir melalui Twitter semalam memaklumkan laporan mengenai kenyataannya ketika majlis itu tidak tepat kerana beliau tidak meminta Malaysia menuntut 'tanah' yang hilang itu.

"Saya cuba membangkitkan bahawa kita begitu bimbang dengan kehilangan batu sebesar meja, tetapi tidak pernah (bimbang) mengenai bahagian lebih besar di Malaysia apabila ia diambil daripada kita.

"Kehilangan Pulau Batu Puteh bukan masalah besar. Ia kesilapan kerajaan Johor menafikan bahawa batu itu adalah milik Johor. Sekiranya penafian itu tidak dibuat, tidak akan ada pertikaian sekarang.

"Kita seharusnya bersyukur kerana mahkamah dunia menganugerahkan Pulau Ligitan dan Sipadan kepada kita. Kedua-duanya jauh lebih berharga daripada Pulau Batu Puteh - hanya singkapan batu. Kita patut bersyukur kerana Indonesia tidak mempertikaikan anugerah itu," katanya.

“Wilayah Indonesia ditentukan berdasarkan prinsip dan ketetapan undang-undang antarabangsa. Indonesia tidak melihat atas dasar undang-undang apa dan alasan apa kenyataan Dr Mahathir ini dibuat”

Teuku Faizasyah,
Jurucakap Kementerian Luar Indonesia

